

## Maklumat Komoditi : Timun

### Sistem Pembajaan

Pengesyoran pembajaan timun berbeza-beza mengikut jenis tanah dan amalan agronomi penanaman. Walaupun begitu secara umumnya pengesyoran di dalam Jadual 5 boleh digunakan untuk penanaman timun.

Jadual 3 : Pengurusan pembajaan timun di beberapa jenis tanah

Jenis tanah		Pembajaan untuk timun			
		Jenis baja	Kadar (tan/ha/musim)	Masa membaja (minggu tanam)	Cara
1.	Pasir (BRIS/Tanah Lombong)	Baja Organan	10 - 20	-1*	Gaul dalam tanah
		Bekas NPK 12:12:17:2	1.5 - 2.0	2, 3, 4, 5, 6 & 7	Tabur keliling pokok
2.	Gambut	NPK 12:12:17:2	0.8	2, 4 & 7	Keliling pokok
		Baja organan	5	-1*	Gaul dalam tanah
3.	Mineral	NPK 12:12:17:2	0.7	2, 4 & 7	Tabur keliling pokok

**Nota :** \* Satu minggu sebelum menanam

Baja foliar biasa digunakan oleh petani masa kini. Baja ini disembur setiap 14 hari sekali dan biasanya bersama racun serangga dan kulat secara koktail. Baja foliar ini biasanya disembur kepada tanaman pada waktu petang atau awal pagi sebelum cahaya matahari menjadi terik.